

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

SAU311 - Pergerakan dan Pemberontakan Tani

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan sahaja. Tiap-tiap soalan mempunyai markah yang sama.

1. Karl Marx pernah menulis dalam The 18th Brumaire of Louis Bonaparte (dan dipetik dalam Shanin, T., Peasants and Peasant Societies, 1971, bahawa:

"Selagi perhubungan-perhubungan di kalangan kaum tani kecil terhad kepada perhubungan-perhubungan setempat, dan identiti kepentingan mereka tidak membina satu komuniti, sentimen nasional atau organisasi politik dikalangan mereka, mereka bukan suatu kelas. Seterusnya, mereka tidak berupaya memperjuangkan kepentingan kelas mereka sendiri, sama ada melalui perlimen atau melalui konvensyen. Mereka tidak boleh mewakili diri mereka, mereka perlu diwakili. Wakil mereka semestinya tampil sebagai tuan mereka, sebagai satu kuasa tinggi, sebagai suatu kuasa kerajaan yang tidak terhad yang melindung mereka dari kelas-kelas lain dan memberi mereka hujan dan kuasa matahari dari atas".

Nilaikan pendapat ini dengan mengambil kira penyertaan kaum tani dalam pemberontakan dan revolusi sosial sepanjang kurun ke dua puluh.

(100 markah)

2. Apa, menurut Eric Wolf, krisis-krisis utama yang telah melanda masyarakat tani sehingga ia mencetus pemberontakan?

Golongan atau kelas yang manakah yang beliau lihat memainkan peranan utama dalam pemberontakan masyarakat tani?

(100 markah)

...2/-

3. Beza dan bandingkan peranan kelas-kelas tani tertentu dalam proses revolusi sosial kurun ke dua puluh.

(100 markah)

4. Apakah yang dimaksudkan dengan "ekonomi moral" kaum tani? Huraikan bagaimana J.C. Scott mengguna konsep ini untuk menjelaskan pemberontakan kaum tani.

Lengkapkan huraian anda dengan kritikan-kritikan yang telah dilemparkan terhadap penggunaan konsep tersebut.

(100 markah)

5. Sejauh manakah penyamunan sosial boleh dianggap sebagai satu dari jenis pemberontakan tani? Bincangkan.

(100 markah)

6. Apakah yang dimaksudkan dengan pergerakan "millenarian"? Bezakannya dari pergerakan "messianic".

(100 markah)

- oo oOo oo -